

**SOALAN NO.: 512**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI  
[ BATU PAHAT ]**

**SOALAN :**

Datuk Mohd Idris bin Jusi [ Batu Pahat ] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kedudukan bayaran 5% minyak isirong yang tidak dibayar kepada pekebun sawit bila mereka menjual hasil kepada Peraih.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil, terutamanya dari segi harga yang berpatutan bagi penjualan buah tandan segar (BTS).

Harga BTS yang dikeluarkan oleh pihak pengilang sawit ketika ini telah mengambil kira sumbangan isirung sawit sebanyak 5% dalam perkiraan. Manakala itu, harga BTS yang dihebahkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di media cetak dan elektronik merupakan harga BTS di pintu kilang. Harga tersebut tidak mengambil kira kos pengangkutan dan margin keuntungan yang ditetapkan oleh setiap peniaga BTS.

Kos pengangkutan dan margin keuntungan yang ditetapkan oleh peniaga BTS adalah berbeza. Ini menyebabkan perbezaan di antara harga BTS yang diterima oleh pekebun kecil sawit dengan harga yang dihebahkan di media cetak dan elektronik.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, walaupun urusniaga BTS adalah bergantung kepada antara lain, kualiti BTS dan kuasa pasaran, MPOB sentiasa melakukan penguatkuasaan dari semasa ke semasa bagi memastikan para pekebun kecil menikmati harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.